

16 MAR 2001

BN AKAN ADAKAN MESYUARAT KHAS BINCANG ISU NASIONAL

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) akan bermesyuarat tidak lama lagi untuk membincangkan isu yang dihadapi negara termasuk pergaduhan yang berlaku di Kampung Medan dan kawasan sekitar Jalan Klang Lama baru-baru ini.

Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata hari ini beberapa isu nasional telah dibangkitkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN hari ini tetapi oleh kerana masa tidak mencukupi, para pemimpin itu berpendapat mesyuarat khas yang lain diperlukan untuk membincangkan isu-isu itu.

"Mereka berpendapat bahawa mereka patut membincangkan perkara-perkara itu secara lebih mendalam, oleh itu kami bersetuju untuk mengadakan mesyuarat khas yang lain," kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dipenegerusikan oleh Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Terdahulu Dr Mahathir telah menemui pemimpin parti komponen BN Sabah secara berasingan mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Ketika menjawab satu soalan, Mohamed berkata beberapa pemimpin telah melahirkan pendapat mereka mengenai pergaduhan itu.

"Bagaimanapun mereka rasa mereka memerlukan lebih banyak masa untuk membincangkan perkara ini dengan lebih serius dan dengan cara yang cukup positif," katanya.

Pergaduhan antara dua kumpulan di kawasan Jalan Klang Lama minggu lepas itu mengakibatkan enam orang terkorban. Keadaan di kawasan terbabit kini sudah terkawal ekoran tindakan tegas pihak berkuasa.

-- BERNAMA

MAM ZS JK NMO